



Anwar melancarkan RIBAT sempena acara Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2025 di MIEC Langkawi, semalam.

(Foto Wan Nabil Nasir/BH)

PM lancar RIBAT, HMLTV pertama keluaran Malaysia

BERITA HARIAN 21 MAY 2025

M/S: 3

Pelancaran bukti kehebatan anak tempatan dalam industri pertahanan

Langkawi: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam melancarkan RIBAT, kenderaan taktikal ringan mobiliti tinggi (HMLTV) pertama yang direka bentuk dan dibina sepenuhnya oleh syarikat tempatan Mildef International Technologies Sdn Bhd (MILDEF).

Pelancaran itu bersempena acara Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2025 (LIMA'25), di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC).

Lebih menarik, RIBAT dinamakan sendiri oleh Perdana Menteri yang membawa nilai simbolik tinggi serta merujuk kepada semangat berkawal mempertahankan tanah air yang bertekankan iman, patriotisme dan teknologi.

RIBAT merujuk kepada aman menjaga dan mengawal sempadan untuk mempertahankan keselamatan umat. Ia melambangkan kesiapsiagaan, keberanian, dan semangat pengorbanan demi tanah air.

Pada majlis itu, Anwar menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara MILDEF dengan syarikat pertahanan utama Indonesia, PT PINDAD dan kerjasama itu membuka peluang eksport, pemindahan teknologi serta integrasi sistem antara kedua-dua negara serantau.

Perdana Menteri turut menyaksikan pemeteraian memorandum perjanjian (MoA) antara MILDEF dengan Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE), iaitu sebuah agensi penyelidikan utama di bawah Kementerian Pertahanan.

MoA itu bertumpu kepada pembangunan dua lagi platform kenderaan taktikal yang akan direka bentuk sepenuhnya di dalam negara.

Pada pemeteraian perjanjian itu, MILDEF diwakili Pengarah Urusannya, Datuk Seri Mohd Nizam Kasa, manakala PT PINDAD diwakili Sigit Puji Santosa dan STRIDE diwakili Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Lokman Hakim Ali.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Panglima Angkatan Tentera Jeneral, Datuk Mohd Nizam Jaffar, turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian itu.

MILDEF dalam kenyataan memaklumkan pelancaran itu mengesahkan kedudukan syarikat berkenaan sebagai peneraju industri pertahanan darat nega-

ra, sekali gus menjadikannya sebagai pengeluar pertama kenderaan perisai taktikal nasional yang berjaya menembusi pasaran serantau dan antarabangsa.

Jurutera tempatan

MILDEF memaklumkan RIBAT dibangunkan jurutera tempatan dengan sokongan kemudahan kejuruteraan bertaraf industri di Seremban dan Sepang serta dilengkapi sistem perlindungan balistik modular dan direka untuk misi seperti rondaan, konvoi dan operasi khas.

Pengarah Urusan MILDEF, Datuk Seri Mohd Nizam Kasa, berkata pelancaran RIBAT bukan saja mencerminkan keupayaan industri tempatan, malah menjadi manifestasi kejayaan dasar kerajaan dalam memperkasa ekosistem pertahanan yang berdaya-kari dan berimpak tinggi.

"RIBAT ialah hasil inovasi tempatan membuktikan Malaysia bukan sahaja mampu menjadi pengguna sistem pertahanan tetapi pencipta teknologi strategik yang diyakini kerajaan dan komuniti global," katanya.

Sejak penubuhannya pada 2005, MILDEF berkembang daripada sekumpulan jurutera muda menjadi pemain utama industri pertahanan nasional dengan kejayaan membina pelbagai aset seperti kenderaan berperisai mobiliti tinggi (HMAV) Tarantula, Rentaka 4x4 dan kini RIBAT HMLTV.

BERNAMA